

Headline	Panduan TNB cara jimatkan bil elektrik		
MediaTitle	Berita Harian (Utara)		
Date	19 Dec 2013	Language	Malay
Circulation	231,163	Readership	1,368,000
Section	Berita	Page No	N8
ArticleSize	113 cm <sup>2</sup>	Journalist	N/A
PR Value	RM 3,429		



## Panduan TNB cara jimatkan bil elektrik



Mengapakah bil elektrik saya meningkat secara mendadak? Apakah cara mengurangkan caj tenaga elektrik yang dinasihatkan?

**Pengguna musykil**  
Selayang, Selangor



Merujuk aduan, bil elektrik tinggi boleh berlaku jika terdapat peningkatan dalam penggunaan tenaga elektrik atau penambahan perkakasan elektrik. Namun begitu, pengguna boleh mengurangkan jumlah caj yang dikenakan di dalam bil elektrik melalui kaedah penjimatan tenaga. Antara langkah penjimatan tenaga yang disyorkan adalah:

- **Padamkan semua suis pada soket apabila selesai**

**menggunakannya.**

- **Padamkan semua suis lampu, penghawa dingin, kipas angin atau mana-mana peralatan elektrik setiap kali meninggalkan bilik.**
- **Tetapkan suhu penghawa dingin kepada 24 darjah Celsius. Melalui cara ini, pengguna hanya menggunakan sedikit tenaga elektrik.**
- **Tutup pintu dan tingkap setiap kali penghawa dingin dipasang.**

Berhubung aduan pengadu mengenai bil elektrik yang tinggi, pihak TNB tidak dapat membuat semakan lanjut berikutan pengadu tidak mengemukakan maklumat lengkap seperti nombor akaun, nama atau alamat. Sehubungan itu, pengadu dinasihatkan menghubungi Pegawai Perhubungan Pelanggan (CRO) di pejabat TNB berdekatan bagi mendapatkan penjelasan lanjut berhubung status aduan beliau.

### **Ir S Parameswaran**

Penolong Pengurus Besar  
(Pengurusan Perhubungan Pengguna)  
Menjalankan tugas-tugas Pengurus Besar (Perhubungan Pengguna)  
Bahagian Pembahagian Tenaga Nasional Berhad (TNB)